

PANDUAN UNTUK IBU BAPA

Kepala ibu bapa ,

Pembelajaran MKIDS Bahasa Melayu ini selari dengan kehendak Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang mana menekankan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh dan bersepadu. Penglibatan ibu bapa adalah perlu dalam memastikan kesinambungan p&p dan memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran murid.

Di dalam MIKIDS Bahasa Melayu dibangunkan dengan menggunakan multimedia yang mana amat membantu kanak-kanak dalam kemahiran mendengar dan bertutur. Kemudian, ditekankan kemahiran membaca melalui video yang disediakan dan kemahiran menulis dalam lembaran kerja yang disediakan.

Di dalam pembelajaran MIKIDS Bahasa Melayu ini dibahagikan kepada tiga tahap iaitu ;

- 1) Tahap 1 untuk 4 tahun
- 2) Tahap 2 untuk 5 tahun
- 3) Tahap 3 untuk 6 tahun

Di dalam pembelajaran ini ditekankan 4 kemahiran pada kanak-kanak iaitu :

- 1) Kemahiran mendengar**
- 2) Kemahiran bertutur**
- 3) Kemahiran membaca**
- 4) Kemahiran menulis**

Bahan-bahan yang diperlukan :

- Laptop atau komputer atau smartphone
- Lembaran kerja yang sudah dicetak
- Huruf G – abjad foam atau kad imbasan atau
- Alat tulis

Bahagian 1 : Kemahiran Mendengar dan Bertutur

1. Pasang video MIKIDS BM Pelajaran 8 iaitu Huruf H. Video akan dimainkan secara autoplay.
2. Ibu bapa perlu meneliti terlebih dahulu video tersebut supaya pembelajaran menjadi mudah.
3. Kanak-kanak sudah belajar Huruf A sehingga G jadi ibu bapa boleh juga menyanyi bersama anak 'Lagu ABC'.
4. Perkenalkan kepada anak dengan huruf H besar dan juga h kecil. Tunjukkan bentuk huruf H dan h. Bermain dengan anak iaitu meneka bentuk huruf H besar dan huruf h kecil dengan jari di belakang badan anak.
5. Kemudian, biarkan anak mendengar perkataan 'hari' dan 'hoki' dari video. Perlahankan suara dan pause video kemudian sebut perkataan serta biarkan anak meneka gambar yang mana satu. Jika ada kad imbasan, lakukan permainan meneka siapa cepat. Aktiviti ini boleh dilakukan bersama anak yang lain.
6. Untuk lebih seronok, jika ada kinetic sand atau doh mainan boleh jalankan aktiviti membentuk huruf H dan h.

Bahagian 2 : Kemahiran Membaca

7. Di bahagian ini, ada segmen 'Bacaan' yang mana anak perlu mendengar ayat yang dibaca dan pause video serta minta anak baca ayat tersebut.
8. Pasangkan video untuk ayat 'Hari ini hari Rabu.' dan boleh lakukan aktiviti ini pada hari Rabu atau boleh juga minta anak sebutkan hari tersebut.
9. Boleh berehat seketika dan sambung pada masa lain.
10. Sambung atau selepas berhenti seketika, mulakan dengan aktiviti KBAT iaitu kemahiran berfikir aras tinggi, yang mana anak diminta bercerita aktiviti yang dilakukan pada setiap hari berdasarkan gambar pada bahagian 'Ceritakan'.



Bahagian 3 : Kemahiran Menulis

1. Aktiviti menulis dilakukan dengan lembaran kerja yang telah dicetak.
2. Jika tiada mesin pencetak, ibu bapa boleh tukarkan file kepada google form dan boleh lakukan pada smartphone sahaja.
3. Bantu anak dalam melakukan aktiviti ini supaya anak lebih yakin.
4. Selitkan pembelajaran dengan aktiviti yang lebih menarik dengan
5. melakukan permainan atau nyanyian bersama dengan anak yang lain. Gunakan kreativiti supaya pembelajaran lebih seronok.
6. Diingatkan kepada ibu bapa, pembelajaran untuk Pelajaran 8 ini tidak perlu dihabiskan dalam satu masa, boleh dilakukan pada waktu yang lain supaya anak tidak bosan.

Peringatan :

1. Jika anak masih belum mahir memegang pensel, latih anak dengan cara memegang pensel yang betul. Galakkan anak menconteng di kertas atau whiteboard jika ada.
2. Jika anak masih belum boleh menulis dengan baik, jangan dipadam tulisannya. Ibu bapa akan nampak perkembangan anak dari sehari ke sehari jika latihan berterusan. Galakkan anak menulis dengan baik.
3. Jika anak masih belum boleh menyebut perkataan dengan baik, bimbing anak dengan ibu bapa menyebut perkataan tersebut dengan betul. Kebanyakan perkataan merupakan benda yang ada di sekeliling kita.

Hh



hari



hoki



Bacaan



Hari ini hari Rabu.



Ceritakan

Ceritakan aktiviti yang dilakukan pada setiap hari.



Aktiviti



Padankan perkataan dengan gambar yang betul.

hoki •



hari •



PANDUAN UNTUK IBU BAPA


MIKIDS BM TAHAP 1 PELAJARAN BONUS

1. Ibu bapa terangkan kepada anak-anak tentang anggota muka dan juga fungsinya. Contoh;
Telinga :
 1. Kita ada berapa telinga?
 2. Di mana letak telinga kita?
 3. Apa fungsi telinga?
2. Ibu bapa bantu anak membuat latihan pada lembaran kerja dengan menulis nombor pada gambar yang betul.



1. Ibu bapa kenalkan anak-anak dengan huruf I, iaitu huruf besar dan kecil.
2. Ibu bapa sebut perkataan sambil menunjuk jari pada gambar, ibu, ikan.
3. Minta anak sebut dan tunjukkan perkataan serta gambar ibu dan ikan.
4. Ibu bapa bantu anak dalam latihan pada lembaran kerja dengan memadankan bentuk ikan yang sama.
5. Pasang video 'Bacaan', perengarkan anak dengan ayat 'Ibu beli ikan'.
6. Kemudian, minta anak bacakan ayat tersebut. (tidak perlu mengeja)
7. Ibu bapa bantu anak menulis huruf vokal 'i' pada jawapan dan surih ayat tersebut.
8. Ibu bapa menyanyi bersama anak lagu 'Ikan Kekek'.
9. Kemudian bantu dalam latihan mencari huruf 'i' dan cari perkataan ikan di dalam lembaran kerja.

Muka Saya



Bincangkan

Bincangkan fungsi anggota-anggota muka kita.

I i



ibu



ikan



Bacaan



Ibu beli ikan.



Nyanyikan

Lagu: Ikan Kekek

Ikan kekek mak iloi iloi

Ikan gelama mak ilai ilai

Nanti adik mak iloi iloi

Pulang sama mak ilai ilai



Aktiviti

Warnakan huruf 'I' besar dan 'i' kecil.

I

I

I

i

i

i

i

I

i

I